

**Pernyataan Penting
untuk Persidangan Bahasa Cina Peringkat Antarabangsa 2026**

Buku Ayub mewahikan bahawa Bible yang terdiri daripada enam puluh enam buku adalah untuk satu perkara sahaja: Tuhan dalam Kristus melalui Roh itu mendispenkan diri-Nya ke dalam kita untuk menjadi hayat kita, sifat kita, dan segala-gala kita supaya kita dapat berhidupkan Kristus dan mengekspresikan Kristus; ini seharusnya menjadi prinsip yang mengawal kehidupan kita.

Nuh percaya kepada Tuhan, bergerak-hidup bersama dengan Tuhan, diperkenan Tuhan, dan menikmati segala apanya Tuhan.

**Kristus korporat sebagai batu dan gunung,
iaitu Pengantin Lelaki bersama dengan pengantin perempuan-Nya,
yakni manusia kepunyaan Tuhan yang korporat
yang mempunyai nafas Tuhan,
akan menghancurkan dan membunuh Antikristus serta tenteranya
dengan nafas, pedang, daripada mulut-Nya.**

**Dalam Kristus, Tuhan dikonstitusikan ke dalam manusia,
manusia juga dikonstitusikan ke dalam Tuhan;
Tuhan dan manusia dibaurkan bersama menjadi satu entiti
yang dipanggil Tuhan-manusia.**

Garis Kasar Mesej
untuk Persidangan Bahasa Cina Peringkat Antarabangsa
13-15 Februari 2026

SUBJEK AM:
NUH, DANIEL, DAN AYUB—TELADAN ORANG YANG MENJALANI
KEHIDUPAN YANG JAYENG DI GARIS HAYAT
UNTUK MENGGENAPKAN EKONOMI TUHAN

Mesej Satu

Hidup dan Bekerja Menurut Visi Zaman untuk Mengalihkan Zaman

Bacaan Bible: Yeh. 14:14, 20; Kej. 6:8; Mat. 24:37-39; Dan. 2:34-35; Ayub 42:5-6

- I. Nuh, Daniel, dan Ayub ialah teladan yang mewahikan bagaimana kita dapat menjalani kehidupan yang jayeng di garis hayat untuk menggenapkan ekonomi Tuhan; ini bererti hidup dan bekerja menurut visi zaman untuk mengalihkan zaman—Yeh. 14:14, 20; Kej. 2:9; Wahi 2:7; 22:1-2; Mat. 24:37-39, 45-51; Dan. 2:34-35; Kis. 26:19; 2 Tim. 4:8.**
- II. Kehidupan Nuh, Daniel, dan Ayub mewahikan bahawa Tuhan Tritunggal mendispenkan diri-Nya, menggarapkan diri-Nya, ke dalam umat yang dipilih dan ditebus-Nya untuk menggenapkan ekonomi abadi-Nya; seluruh Bible ditulis menurut prinsip yang mengawal, iaitu Tuhan Tritunggal mendispenkan diri-Nya ke dalam kita untuk kita mengalami-Nya, menikmati-Nya, dan mengekspresikan-Nya bagi menggenapkan ekonomi divin-Nya—bd. 1 Tim. 1:3-4; Ef. 3:2; 1 Ptr. 4:10; Mzm. 36:8-9; 2 Kor. 13:14; Ef. 3:16-19:**
 - A. Pada Nuh, kita melihat Tuhan Bapa dalam kesetiaan-Nya berpegang pada waa-dah abadi-Nya (dilambangkan oleh pelangi), yang merupakan ekonomi abadi-Nya, untuk mendispenkan Kristus almuhit sebagai keadilbenaran, kekudusan, dan kemuliaan ke dalam umat pilihan-Nya untuk menjadikan mereka pameran yang arif tentang segala apanya Kristus—Kej. 3:24; 9:8-17; Yeh. 1:26-28; 36:22-38; Mat. 26:28; Ibr. 8:8-12; 1 Kor. 1:9, 24-30; 2:9-10; Ef. 2:10; 5:25-27; Wahi 4:3; 21:18-20.
 - B. Pada Daniel, kita melihat bahawa Kristus Anak ialah sentraliti dan universaliti bagi pergerakan Tuhan, dan bahawa matlamat ekonomi abadi Tuhan adalah untuk memperoleh Kristus korporat, Kristus berserta pejayeng-Nya, sebagai batu penghancur untuk menjadi sarana kala zaman-Nya bagi mengakhiri zaman ini dan menjadi gunung besar yang memenuhi seluruh bumi, menjadikan seluruh bumi kingdom Tuhan—Dan. 2:31-45; 7:13-14; 10:4-9; Yoel 3:11; Wahi 12:1-2, 5, 11; 19:7-21.
 - C. Pada Ayub, kita melihat Tuhan Roh membawa pencinta-Nya menempuh proses transformasi melalui pembaruan Roh Kudus agar mereka melihat Tuhan untuk beroleh Tuhan serta ditransform oleh Tuhan bagi melaksanakan apa yang ada dalam hati Tuhan dengan menjadi Tuhan dalam hayat, sifat, dan penampilan tetapi bukan dalam Ketuhanan demi ekspresi korporat Tuhan, kemuliaan Tuhan—Ayub 10:13; 42:5-6; Ef. 3:9; Mat. 5:8; 2 Kor. 3:16-18; Tit. 3:5; 1 Kor. 10:31; Ef. 3:20-21; Wahi 21:10-11.
- III. “Tetapi Nuh mendapat kurnia di mata Yehova”—Kej. 6:8:**
 - A. Kehidupan dan kerja Nuh mewahikan berapa banyak yang dapat dilakukan kurnia untuk manusia yang jatuh; kurnia ialah Kristus yang ajaib menjadi pemikul beban kita, yang melakukan segala-gala dalam kita bagi pihak kita untuk kenikmatan kita—ay. 1-14; Mat. 24:37-39; 2 Kor. 12:7-9:
 1. Tubuh daging ialah hadirat iblis, dan kurnia ialah hadirat Tuhan; untuk berdepan dengan hadirat Syaitan, kita memerlukan hadirat Tuhan—Kej. 6:3, 8; Roma 7:17-21; Ibr. 4:16; 1 Kor. 15:10.

2. Hasil kurnia ialah keadilanbenaran; melalui kudrat kurnia, kekuatan kurnia, dan hayat kurnia, kita dapat menjadi betul terhadap Tuhan, terhadap satu sama lain, bahkan terhadap diri kita—Roma 5:17, 21; 2 Ptr. 2:5.
- B. Nuh bergerak-hidup bersama dengan Tuhan dan membina bahtera untuk melaksanakan ekonomi divin—Kej. 6:8-22; Ibr. 11:7; 1 Ptr. 3:20-21; Mat. 16:18:
 1. Pembinaan Tuhan yang pertama dalam Bible ialah bahtera Nuh, yang menandakan Kristus sebagai pembinaan Tuhan dan manusia; pembinaan Tuhan ialah Tuhan-manusia—Yoh. 1:14; 2:19; 1 Kor. 3:9, 16-17; Wahi 21:2, 22; Ef. 2:22; Mzm. 27:4.
 2. Pembinaan bahtera mentamsilkan pembinaan Kristus yang korporat, gereja yang merupakan Tubuh Kristus, dengan elemen kekayaan Kristus sebagai bahan pembinaan—Mat. 16:18; 1 Kor. 3:9-12a; Ef. 3:8-10; 4:12.
 3. Tiga tingkat bahtera menandakan Tuhan Tritunggal menurut pengalaman kita terhadap-Nya; Roh itu, yang dilambangkan oleh tingkat bawah, membawa kita kepada Anak (1 Ptr. 1:2; Yoh. 16:8, 13-15), dan Anak membawa kita lebih tinggi dalam pengalaman kita, kepada Bapa (14:6; Ef. 2:18; 1 Yoh. 1:5; 4:8).
 4. Di tingkat ketiga bahtera hanya terdapat satu jendela yang menghala ke langit, menandakan bahawa dalam gereja, pembinaan Tuhan, hanya ada satu wahi dan satu visi menerusi satu ministri Wasiat Baru—Kej. 6:16; Kis. 26:19; Ams. 29:18a; 1 Tim. 1:3-4; 2 Kor. 3:6-9; 4:1.

IV. Daniel menunjukkan kepada kita bahawa kita harus menebus masa untuk menikmati Kristus sebagai kemahamestikaan Tuhan, supaya kita dikonstitusikan dengan-Nya menjadi manusia kemestikaan, bahkan kemestikaan itu sendiri, untuk menjadi harta peribadi-Nya—Dan. 9:23; 10:11, 19; 1 Ptr. 2:7; Kel. 19:4-6:

- A. Kristus yang unggul menampakkan diri kepada Daniel dalam kemahamestikaan-Nya sebagai seorang manusia untuk menjadi penghargaan, pelipuran, galakan, harapan, dan penstabilannya—Dan. 10:4-9:
 1. Kristus menampakkan diri sebagai Hentar dalam keinsanan-Nya, dilambangkan oleh jubah linen, untuk menjaga umat pilihan-Nya dalam penawanan mereka—ay. 5a; Kel. 28:31-35.
 2. Kristus menampakkan diri dalam kemaharajaan-Nya dalam kedivinan-Nya, dilambangkan oleh tali pinggang emas, untuk memerintah semua bangsa—Dan. 10:5b.
 3. Untuk menjadi penghargaan umat-Nya, Kristus menampakkan diri dalam kemestikaan dan kehormatan-Nya, dilambangkan oleh tubuh-Nya seperti batu beril; perkataan Ibrani untuk *batu beril* boleh merujuk kepada batu berharga yang hijau kebiruan atau kuning, menandakan bahawa Kristus dalam perjasadan-Nya adalah divin (kuning), penuh dengan hayat (hijau), dan syurgawi (biru)—ay. 6a.
 4. Kristus juga menampakkan diri dalam keterangan-Nya untuk menyinari umat, dilambangkan oleh muka-Nya yang seperti penampilan kilat (ay. 6b), dan dalam penglihatan-Nya yang mencahayai untuk menyelidiki dan menghakim, dilambangkan oleh mata-Nya yang seperti suluh api (ay. 6c).
 5. Kristus menampakkan diri dalam kilauan kerja dan pergerakan-Nya, dilambangkan oleh lengan-Nya dan kaki-Nya yang seperti kilauan tembaga yang bergilap—ay. 6d.
 6. Kristus menampakkan diri dalam pembicaraan-Nya yang tegas untuk menghakimi orang, dilambangkan oleh bunyi sabda-Nya yang seperti bunyi himpunan khalayak ramai—ay. 6e.
- B. Daniel menerima wahi bahawa seluruh situasi dunia berada di bawah pemerintahan syurga-syurga oleh Tuhan semesta langit untuk memberi Kristus tempat

terunggul, yakni tempat pertama, dalam segala sesuatu—2:34-35, 44-45; 7:9-10; 4:34-35; Kol. 1:15, 17-18; Wahi 2:4-5.

V. “Maka Yehova menjawab Ayub” (Ayub 38:1a); “kemudian Ayub menjawab Yehova” (42:1a); “dan Yehova memalingkan Ayub daripada kesengsaraan” (ay. 10a):

- A. Logik sahabat Ayub adalah menurut garis pohon pengetahuan baik dan jahat ketika mereka berfikir bahawa apa-apa yang dideritai Ayub merupakan penghakiman Tuhan; namun, penderitaan Ayub ialah penghancuran Tuhan agar Tuhan dapat memperoleh Ayub supaya dia dapat memperoleh Tuhan dengan lebih banyak lagi—9:15; 11:12; 13:4; Flp. 3:8, 12-13:
 - 1. Hasrat Tuhan terhadap Ayub adalah untuk merobohkan Ayub alamiah yang berada dalam kesempurnaan dan ketulusannya sendiri, supaya Dia dapat membina Ayub yang diperbarui, yang berada dalam sifat dan atribut Tuhan—Ayub 1:1; Tit. 3:5.
 - 2. Hasrat Tuhan adalah untuk membimbing Ayub mencari Tuhan dengan lebih mendalam lagi, agar Ayub menyedari bahawa kekurangannya dalam kehidupan insaninya ialah Tuhan sendiri; dengan itu, Ayub akan mengejar Tuhan, beroleh Tuhan, dan mengekspresikan Tuhan—Kol. 2:19.
 - 3. Hasrat Tuhan adalah untuk memperoleh Ayub yang berada pada garis pohon hayat serta menjadikan Ayub manusia kepunyaan Tuhan—Kej. 2:9; 1 Tim. 6:11; 2 Tim. 3:17; Ef. 3:14-21.
- B. Buku Ayub mewahikan bahawa Bible yang terdiri daripada enam puluh enam buku adalah untuk satu perkara sahaja: Tuhan dalam Kristus melalui Roh itu mendispenkan diri-Nya ke dalam kita untuk menjadi hayat kita, sifat kita, dan segala-gala kita supaya kita dapat berhidupkan Kristus dan mengekspresikan Kristus; ini seharusnya menjadi prinsip yang mengawal kehidupan kita—Ayub 10:13; Ef. 3:9; Flp. 3:8-9; Ef. 1:22-23; 2:15; Wahi 21:2.
- C. Cara untuk hidup dan bekerja dalam prinsip ini adalah dengan menjadi serta melakukan segala sesuatu melalui Roh itu, bersama dengan Roh itu, dalam Roh itu, dan menerusi Roh itu dengan melatih roh kita—Gal. 5:25; Roma 8:4; Flp. 3:3; Wahi 2:7; 22:17a.

Mesej Dua

**Garis Hayat yang Ada pada Nuh—
Kehidupan dan Kerja yang Mengalihihkan Zaman**

Bacaan Bible: Kej. 6:5-14; Ibr. 11:7

I. Nuh percaya kepada Tuhan, bergerak-hidup bersama dengan Tuhan, diperkenan Tuhan, dan menikmati segala apanya Tuhan:

- A. Syaitan telah mengkorupkan manusia hingga kemuncak, lalu Tuhan menetapkan untuk menghapuskan manusia yang telah dicipta-Nya demi tujuan-Nya.
- B. Oleh itu, kelihatan seakan-akan Tuhan telah ditewaskan; *tetapi Nuh* menunjukkan faktor yang maha penentu yang membekalkan Tuhan satu jalan untuk terus melaksanakan tujuan asal-Nya terhadap manusia.
- C. Menerusi kehidupan dan kerja Nuh, Tuhan beroleh kemenangan atas musuh-Nya dan mengalihihkan zaman itu.

II. Kehidupan Nuh ialah kehidupan yang mengalihihkan zaman—bd. Flp. 1:19-21a:

- A. Kehidupan yang mengalihihkan zaman ialah kehidupan yang mewarisi jalan yang salih daripada leluhur:
 - 1. Nuh mewarisi jalan penyelamatan Adam, menerima janji berkenaan Kristus sebagai benih perempuan dan penutupan Kristus sebagai keadilanbenaran yang memuaskan Tuhan—Kej. 3:15, 20-21; bd. Yes. 12:2.
 - 2. Nuh mewarisi jalan persembahan Habel, iaitu mempersembahkan Kristus kepada Tuhan, bukan sahaja sebagai korban untuk menebus dosa-dosa kita, tetapi juga sebagai berian untuk diperkenan Tuhan—Kej. 4:4.
 - 3. Nuh mewarisi jalan Enos menyeru nama Yehova untuk menikmati segala apanya Dia—ay. 26; Yer. 33:3; Roma 10:12; 2 Tim. 2:22.
 - 4. Nuh mewarisi jalan Henokh yang bergerak-hidup bersama dengan Tuhan, mengambil Tuhan sebagai pusat dan segala-gala kita, hidup serta melakukan segala hal menurut Tuhan dan bersama dengan Tuhan—Kej. 5:22-24; Ibr. 11:5-6; 2 Kor. 5:4, 9, 14-16; 6:1.
- B. Tuhan menunjukkan kepada Nuh keadaan sebenar zaman yang korup pada masa dia hidup—Kej. 6:3, 5, 11, 13; Mat. 24:37-39; 2 Tim. 3:1-5.
- C. “*Tetapi Nuh* mendapat kurnia di mata Yehova”—Kej. 6:8:
 - 1. Ketika Syaitan berusaha sedaya upaya untuk merosakkan keadaan, selalunya terdapat orang yang beroleh kurnia di mata Tuhan untuk menjadi orang yang mengalihihkan zaman—bd. Dan. 1:8; 9:23; 10:11, 19.
 - 2. Tujuan utama catatan dalam buku Kejadian bukanlah untuk menunjukkan kejatuhan, tetapi untuk menunjukkan betapa banyak yang dapat dilakukan oleh kurnia Tuhan bagi orang yang jatuh:
 - a. Kurnia ialah Tuhan sendiri, hadirat Tuhan, yang kita nikmati untuk menjadi segala-gala bagi kita serta melakukan segala-galanya dalam kita, menerusi kita, dan untuk kita—Yoh. 1:14, 16-17; Wahi 22:21.
 - b. Kenikmatan terhadap Tuan sebagai kurnia ada pada orang yang mengasihi-Nya—Ef. 6:24; Yoh. 21:15-17.
 - c. Dengan melatih roh insani kita, kita menikmati kurnia Tuan Yesus Kristus sebagai perbekalan limpah lengkap daripada Tuhan Tritunggal—Ibr. 10:29b; Gal. 6:18; Flp. 4:23; Flm. 25; 2 Tim. 4:22.
 - d. Sabda Tuhan ialah sabda kurnia—Kis. 20:32; Kol. 3:16; bd. Yer. 15:16.
 - e. Kita mengalami Tuhan Tritunggal yang terproses sebagai kurnia hayat semasa berhimpun dengan para pekudus di atas tapak kesatuan—Mzm. 133:3; 1 Ptr. 3:7; Kis. 4:33; 11:23.
 - f. Kita dapat mengalami Tuan sebagai kurnia kita yang bertambah dan serba mencukupi di tengah-tengah penderitaan dan cubaan—2 Kor. 12:9.

- g. Kita perlu berjerih untuk Tuan dalam kudrat kurnia-Nya—1 Kor. 15:10, 58; 3:12.
- h. Kita perlu menjadi penyelenggara yang baik bagi pelbagai kurnia Tuhan—1 Ptr. 4:10; Ef. 3:2; 2 Kor. 1:15; Ef. 4:29.
- i. Melalui kudrat kurnia, kekuatan kurnia, dan hayat kurnia, kita dapat menjadi betul dengan Tuhan dan dengan satu sama lain; kurnia menghasilkan keadilan—Ibr. 11:7; Roma 5:17, 21.

III. Kerja Nuh ialah kerja yang mengalihkan zaman—1 Kor. 3:9; 2 Kor. 6:1; Mat. 16:18; 1 Kor. 3:12:

- A. Tuhan memberi Nuh wahi yang serba merangkumi, wahi yang lebih lanjut, wahi untuk membina bahtera, iaitu jalan bagi Tuhan menamatkan generasi yang korup dan membawa masuk zaman yang baru:
 - 1. Bahtera ialah satu tamsil bagi Kristus (1 Ptr. 3:20-21), bukan sahaja Kristus yang individu, tetapi juga Kristus yang korporat, iaitu gereja, yakni Tubuh Kristus dan manusia baru, yang berkonsumasi dalam Yerusalem Baru (Mat. 16:18; 1 Kor. 12:12; Ef. 2:15-16; Kol. 3:10-11; Wahi 21:2).
 - 2. Pembinaan bahtera mentamsilkan pembinaan Kristus yang korporat, dengan elemen kekayaan Kristus sebagai bahan pembinaan, melalui orang yang bekerja bersama dengan Tuhan—1 Kor. 3:9-12a; Ef. 4:12; 2:22.
 - 3. Pembinaan ini ialah penggarapan Kristus ke dalam orang untuk membina mereka bersama-sama melalui Kristus agar mereka dapat menjadi manifestasi Tuhan dalam tubuh daging—1 Tim. 3:15-16:
 - a. Perkara yang penting dalam kerja kita ialah meministerkan Tuhan yang membina dan dibina ke dalam orang agar Tuhan Tritunggal dapat membina diri-Nya ke dalam mereka—Mat. 16:18; Ef. 2:21-22; 3:17a; 1 Kor. 14:4b.
 - b. Kita perlu mengamalkan satu perkara—meministerkan Tuhan Tritunggal yang terproses dan terkonsumasi ke dalam orang, supaya Dia dapat membina diri-Nya ke dalam manusia dalaman mereka; kita perlu berdoa agar Tuan mengajar kita bekerja secara demikian—2 Kor. 13:14; 1 Kor. 3:9a, 10, 12; Roma 11:36.
- B. Dengan membina gereja dan masuk ke dalam kehidupan gereja, kita akan diselamatkan daripada penghakiman Tuhan ke atas generasi jahat hari ini menerusi kesengsaraan dahsyat dan akan diasingkan daripada generasi tersebut untuk dibawa masuk ke dalam zaman baru, zaman milenium—Ibr. 11:7; Mat. 24:37-39; Luk. 17:26-27.

Mesej Tiga

**Kemenangan Para Pejayeng
yang Dilihat pada Daniel dan Teman-temannya**

Bacaan Bible: Dan. 1—6

- I. Prinsip pemulihan Tuan dilihat pada “Daniel dan teman-temannya” (Hananya, Misael, dan Azarya), yang merupakan para pejayeng yang bersatu dengan Tuhan secara mutlak dalam kemenangan mereka atas muslihat Syaitan—Dan. 2:13, 17; bd. Wahi 17:14; Mat. 22:14:**
- A. Dalam godaan Nebukadnezar yang bersifat iblis terhadap Daniel dan teman-temannya, dia menukar nama asal mereka, yang menunjukkan bahawa mereka kepunyaan Tuhan, kepada nama yang menyatukan mereka dengan berhala—Dan. 1:6-7.
 - B. Nama Daniel, bermakna “Tuhan ialah hakimku”, ditukar kepada Belshazzar, bermakna “putera Bel”, atau “kesukaan Bel”—Yes. 46:1.
 - C. Nama Hananya, bermakna “Yah telah memberi dengan penuh kurnia”, atau “disenangi Yah”, ditukar kepada Sadrakh, bermakna “dicahayai dewa matahari”.
 - D. Nama Misael, bermakna “Siapakah apanya Tuhan?” ditukar kepada Mesakh, bermakna “Siapakah yang seperti dewi Sakh?”
 - E. Nama Azarya, bermakna “Yah telah membantu”, ditukar kepada Abednego, bermakna “hamba setia bagi dewa api Nego”.
- II. Daniel dan teman-temannya menang atas pemakanan bersifat demon—Dan. 1:**
- A. Godaan Nebukadnezar yang bersifat iblis pertama-tamanya adalah untuk menggoda empat orang muda yang bijak daripada keturunan umat pilihan Tuhan yang tertewas, yakni Daniel dan tiga orang temannya, supaya mereka tercemar dengan memakan makanannya yang tidak tahir, makanan yang dipersembahkan kepada berhala.
 - B. Jika Daniel dan teman-temannya makan makanan itu, maka mereka menerima masuk kecemaran, menerima masuk berhala, dengan demikian menjadi satu dengan Syaitan—bd. 1 Kor. 10:19-21.
 - C. Apabila Daniel dan teman-temannya enggan makan makanan Nebukadnezar yang tidak tahir, sebaliknya memilih untuk makan sayur-sayuran (Dan. 1:8-16), dari segi prinsip, mereka telah menolak pohon pengetahuan baik dan jahat (bd. Kej. 3:1-6) serta menerima pohon hayat; ini menjadikan mereka satu dengan Tuhan (bd. 2:9, 16-17).
 - D. Pemulihan Tuan ialah pemulihan makan Yesus demi pembinaan gereja—ay. 9, 16-17; Wahi 2:7, 17; 3:20.
 - E. Kita boleh makan Yesus dengan makan sabda-Nya dan dengan bersikap berhati-hati dalam perhubungan serta berada bersama dengan orang yang menyeru-Nya daripada hati yang murni—Yer. 15:16; 2 Tim. 2:22; 1 Kor. 15:33; Ams. 13:20.
- III. Daniel dan teman-temannya menang atas penyelubungan bersifat iblis yang menghalang orang daripada melihat patung manusia besar dan batu penghancur yang merupakan sejarah divin dalam sejarah manusia—Dan. 2:**
- A. Kristus korporat sebagai batu dan gunung, iaitu Pengantin Lelaki bersama dengan pengantin perempuan-Nya, yakni manusia kepunyaan Tuhan yang korporat yang mempunyai nafas Tuhan, akan menghancurkan dan membunuh Antikristus serta tenteranya dengan nafas, pedang, daripada mulut-Nya—ay. 34-35, 44-45; 2 Tes. 2:8; Wahi 19:11-21; Kej. 11:4-9; bd. Yes. 33:22.
 - B. Kristus, sebagai batu hidup yang berharga, batu asas, batu penjuru, dan batu puncak dalam pembinaan Tuhan, menginfusi kita dengan diri-Nya yang merupakan kemestikaan untuk mentransform kita menjadi batu-batu hidup yang berharga demi pembinaan-Nya—1 Ptr. 2:4-8; Yes. 28:16; Za. 3:9; 4:7, 9-10.

- IV. Daniel dan teman-temannya menang atas godaan menyembah berhala—Dan. 3; bd. Mat. 4:9-10:**
- A. Apa-apa sahaja yang bukan Tuhan yang benar dalam roh kita yang dilahirkan ialah berhala yang menggantikan Tuhan; apa-apa sahaja yang bukan dalam roh atau kepunyaan roh ialah berhala—1 Yoh. 5:21.
 - B. Musuh Tubuh ialah diri yang menggantikan Tuhan dengan kepentingan diri, perjunjungan diri, kemuliaan diri, kecantikan diri, dan kekuatan diri; dalam Tubuh dan untuk Tubuh, kita menyangkal diri dan tidak memberitakan diri kita tetapi memberitakan Kristus Yesus sebagai Tuan—Mat. 16:24; 2 Kor. 4:5.
 - C. Teman-teman Daniel mempunyai roh kemartiran yang sebenar; mereka berdiri bagi Tuan yang merupakan Tuhan yang unik dan berdiri menentang penyembahan berhala dengan mempertaruhkan nyawa mereka; mereka dicampakkan ke dalam relau api yang marak atas perintah Nebukadnezar—Dan. 3:19-23.
 - D. Ketika Nebukadnezar melihat ke dalam relau api, dia nampak empat orang sedang berjalan di tengah-tengah api (ay. 24-25); yang keempat itu ialah Kristus yang unggul sebagai Anak Manusia, yang datang menyertai tiga pejayeng-Nya yang menderita dan tertindas, serta menjadikan api itu suatu tempat yang menyenangkan untuk berjalan-jalan.
 - E. Ketiga-tiga pejayeng itu tidak perlu meminta Tuhan menyelamatkan mereka daripada relau api (bd. ay. 17); Kristus sebagai Anak Manusia—Dia yang layak dan berupaya bersimpati terhadap umat Tuhan dalam segala hal (Ibr. 4:15-16)—datang menjadi Teman mereka dan menjaga mereka dalam penderitaan mereka; melalui hadirat-Nya, Dia menjadikan tempat penderitaan mereka itu satu sekitar yang menyenangkan.
- V. Daniel dan teman-temannya menang atas penutup yang menghalang orang daripada melihat pemerintahan syurgawi oleh Tuhan semesta langit—Dan. 4:**
- A. Sebagai orang yang dipilih Tuhan agar menjadi umat-Nya untuk Kristus menduduki tempat pertama, kita berada di bawah pemerintahan syurgawi Tuhan dengan tujuan untuk membolehkan Kristus menduduki tempat pertama—ay. 18, 23-26, 30-32; Roma 8:28-29; Kol. 1:18b; 2 Kor. 10:13, 18; Yer. 9:23-24.
 - B. “Dia berupaya merendahkan orang yang bergerak-hidup dalam kesombongan”—Dan. 4:37b.
- VI. Daniel dan teman-temannya menang atas kejahilan akibat nisyon di hadapan Tuhan dan penghinaan terhadap kekudusan-Nya—bab 5:**
- A. Belsyazar mengambil wadah-wadah yang digunakan untuk menyembah Tuhan di dalam bait kudus-Nya di Yerusalem dan menggunakannya untuk menyembah berhala; ini merupakan suatu penghinaan terhadap kekudusan Tuhan (ay. 4); dia sepatutnya mengambil iktibar daripada pengalaman Nebukadnezar (4:18-37); namun dia tidak mengambil iktibar itu, maka akhirnya dia menderita (5:18, 20, 24-31).
 - B. “Roh yang unggul dan pengetahuan dan kefahaman dalaman, dan pentafsiran mimpi, pernyataan teka-teki, dan penyelesaian masalah [lit., simpul] ada pada Daniel ini”—ay. 12a.
 - C. “Tuanku...Belsyazar, tidak merendahkan hati tuanku, sungguhpun tuanku mengetahui semua ini; sebaliknya tuanku menjunjung diri menentang Tuan semesta langit, dan orang telah membawa wadah-wadah rumah-Nya ke hadapan tuanku, dan tuanku dan pembesar, isteri, dan gundik tuanku telah minum wain daripadanya; tuanku telah memuji tuhan-tuhan yang diperbuat daripada perak, emas, tembaga, besi, kayu, dan batu, yang tidak dapat melihat atau mendengar atau mengerti. Tetapi Tuhan yang memegang nafas tuanku di tangan-Nya dan yang memiliki segala jalan tuanku itu tidak tuanku hormati”—ay. 22-23, bd. ay. 20.
- VII. Daniel dan teman-temannya menang atas kelicikan yang menghalang pejayeng yang setia dalam penyembahan Tuhan—bab 6:**

- A. Pusat Daniel 6 ialah doa manusia untuk melaksanakan ekonomi Tuhan; Daniel bergantung pada doa untuk melakukan apa yang tidak dapat dilakukan manusia dan untuk memahami apa yang tidak dapat difahami manusia; tidak ada jalan yang lain untuk membawa ekonomi Tuhan ke dalam kepenuhan dan penggenapan melainkan doa; inilah rahsia dalaman bagi bab ini.
- B. Daniel berdoa tiga kali sehari dengan jendelanya terbuka ke arah Yerusalem; menerusi doanya yang penuh kurnia, Tuhan membawa Israel kembali ke tanah bapa leluhur mereka (ay. 10; bd. 1 Raj. 19:12, 18); Tuhan akan memakbulkan doa kita apabila doa kita ditujukan kepada Kristus (ditamsilkan oleh Tanah Kudus), kingdom Tuhan (ditamsilkan oleh kota kudus), dan rumah Tuhan (ditamsilkan oleh bait kudus) yang merupakan matlamat dalam ekonomi abadi Tuhan—8:48-49.

Mesej Empat
Ayub dan Dua Pohon

Bacaan Bible: Kej. 2:9, 17; Wahi 22:1-2, 14; Ayub 1:1; 2:3; 42:1-6

- I. Dalam wahi divin terdapat dua pohon, dua sumber, dua jalan, dua prinsip, dan dua konsumsi:**
 - A. Dua pohon:
 1. Pohon hayat menandakan Tuhan Tritunggal sebagai hayat kepada manusia dalam hubungan manusia dengan-Nya—Kej. 2:9; Mzm. 36:9a.
 2. Pohon pengetahuan baik dan jahat menandakan Syaitan, iblis, yang jahat itu, sebagai maut kepada manusia dalam kejatuhan manusia di hadapan Tuhan—Kej. 2:17.
 - B. Dua sumber:
 1. Pohon hayat ialah sumber kepada manusia yang mencari Tuhan sebagai hayat untuk menjadi bekalan dan kenikmatan mereka—Yoh. 1:4; 15:1.
 2. Pohon pengetahuan baik dan jahat ialah sumber kepada manusia yang mengikut Syaitan sebagai racun mereka sehingga membawa kepada maut dan kebinasaan kekal—8:44.
 3. Hasil daripada dua sumber ini ialah dua kingdom—kingdom Tuhan dan kingdom Syaitan—Mat. 21:43; 12:26; Kol. 1:13.
 - C. Dua jalan:
 1. Jalan pertama ialah jalan hayat, yakni jalan yang sesak, untuk manusia mencari Tuhan, beroleh Tuhan, dan menikmati Tuhan sebagai bekalan dalam hayat abadi-Nya—Mat. 7:14; Kis. 9:2; 16:17; 18:25-26; 2 Ptr. 2:15, 21.
 2. Jalan kedua ialah jalan maut serta baik dan jahat, yakni jalan yang luas, bagi manusia mengikut Syaitan untuk menjadi anak-anaknya—Mat. 7:13; 1 Yoh. 3:10a.
 - D. Dua prinsip:
 1. Prinsip pertama ialah prinsip hayat—prinsip bergantung pada Tuhan—Yoh. 15:5; Kej. 4:4.
 2. Prinsip kedua ialah prinsip maut serta baik dan jahat—prinsip merdeka daripada Tuhan—Yer. 17:5-6; Kej. 4:3.
 - E. Dua konsumsi ialah hasil akhir bagi dua jalan yang diambil manusia dalam hubungan mereka dengan Tuhan:
 1. Konsumsi bagi jalan hayat Tuhan ialah kota air hayat, Yerusalem Baru—Wahi 21:2, 10-11; 22:1-2.
 2. Konsumsi bagi jalan maut serta baik dan jahat ialah tasik api—19:20; 20:10, 14-15; 21:8.
- II. Hasrat Tuhan bukan memperoleh Ayub yang berada pada garis pohon pengetahuan baik dan jahat tetapi Ayub yang berada pada garis pohon hayat:**
 - A. Logik Ayub dan sahabatnya adalah menurut garis pohon pengetahuan baik dan jahat—Ayub 2:11—32:1.
 - B. Ayub, sama seperti sahabatnya, tersekat pada pengetahuan betul dan salah, tidak mengenali ekonomi Tuhan—4:7-8.
 - C. Ayub dan sahabatnya berada dalam lingkungan pohon pengetahuan baik dan jahat; Tuhan cuba menyelamatkan mereka daripada lingkungan itu dan melekatkan mereka ke dalam lingkungan pohon hayat—1:1; 2:3; 19:10.
 - D. Tujuan Tuhan menanggulangi Ayub adalah untuk memalingkan dia dari jalan baik dan jahat ke jalan hayat agar dia dapat beroleh Tuhan ke tahap paling penuh—42:1-6.
- III. Kita memerlukan visi pohon hayat—visi tentang Tuhan dalam Kristus menjadi makanan kita—Kej. 2:9; Wahi 22:1-2, 14:**

- A. Pohon hayat menandakan Tuhan Tritunggal dalam Kristus mendispenkan diri-Nya ke dalam umat pilihan-Nya sebagai hayat dalam bentuk makanan—Kej. 2:9.
- B. Pohon hayat ialah pusat alam semesta:
 - 1. Menurut tujuan Tuhan, bumi ialah pusat alam semesta, Taman Eden ialah pusat bumi, dan pohon hayat ialah pusat Taman Eden; oleh itu, alam semesta berpusat pada pohon hayat.
 - 2. Bagi Tuhan dan juga manusia, tidak ada apa-apa yang lebih utama dan penting daripada pohon hayat—3:22; Wahi 22:14.
- C. Wasiat Baru mewahikan bahawa Kristus ialah penggenapan lambang pohon hayat—Yoh. 1:4; 15:5.
- D. Semua aspek Kristus almuhit yang diwahikan dalam Injil Yohanes merupakan hasil daripada pohon hayat—6:48; 8:12; 10:11; 11:25; 14:6.
- E. Kenikmatan terhadap pohon hayat akan menjadi bahagian abadi seluruh umat yang ditebus Tuhan—Wahi 22:1-2, 14:
 - 1. Hingga keabadian, pohon hayat menggenapkan apa yang dihasratkan Tuhan terhadap manusia pada mulanya—Kej. 1:26; 2:9.
 - 2. Buah-buah pohon hayat akan menjadi makanan umat yang ditebus Tuhan dalam keabadian; buah-buah ini sentiasa segar dan dihasilkan setiap bulan—Wahi 22:2.

IV. Ketika kita dilahirkan, Kristus menanam diri-Nya sebagai pohon hayat ke dalam kita—Yoh. 1:12-13; 3:3, 5-6, 15; 11:25; 15:1, 5:

- A. Dalam kehidupan praktikal kita, kita mungkin bukan berada pada garis pohon hayat, tetapi berada pada garis pohon pengetahuan baik dan jahat—Ams. 16:25; 21:2.
- B. Ayub mengejar sesuatu yang berada dalam lingkungan etika, tetapi kita sebagai percayawan dalam Kristus, harus mengejar sesuatu yang berada dalam lingkungan Tuhan—1 Kor. 15:28; Ef. 3:16-21.
- C. Dalam kehidupan harian kita, kita tidak harus berada dalam lingkungan pohon pengetahuan baik dan jahat, tetapi dalam lingkungan Roh beri-hayat—1 Kor. 15:45b; Roma 8:2.
- D. Hasrat Tuhan ialah merobohkan kita dan membina kita semula dengan diri-Nya sebagai hayat dan sifat kita supaya kita dapat menjadi orang yang bersatu dengan-Nya secara mutlak—2 Kor. 1:9; 4:14.

**Hasrat Tuhan yang Ada pada Ayub—
Manusia yang Baik Menjadi Tuhan-manusia**

Bacaan Bible: Ayub 1:1, 8; 2:3, 9; 27:5; 31:6; 42:5-6

- I. Bible yang terdiri daripada enam puluh enam buku adalah untuk satu perkara sahaja—Tuhan dalam Kristus sebagai Roh itu mendispenkan diri-Nya ke dalam kita untuk menjadi hayat kita, sifat kita, dan segala-gala kita supaya kita dapat berhidupkan Kristus dan mengekspresikan Kristus—Ef. 3:16-17a; Flp. 1:21a:**
 - A. Ini seharusnya menjadi prinsip yang mengawal kehidupan kita—Yoh. 6:57.
 - B. Secara praktikal, ini seharusnya merupakan pohon hayat untuk kenikmatan kita hari ini—Wahi 22:14.
- II. Ayub ialah seorang yang baik, mengekspresikan kesempurnaan, ketulusan, dan integritinya dirinya—Ayub 27:5; 31:6; 32:1:**
 - A. Menjadi sempurna berkaitan dengan manusia dalaman, manakala menjadi tulus berkaitan dengan manusia luaran—1:1.
 - B. Ayub seorang yang berintegriti; integriti ialah totaliti menjadi sempurna dan tulus—2:3, 9; 27:5; 31:6:
 1. Berkenaan Ayub, integriti ialah keseluruhan ekspresi apanya dia.
 2. Dari segi perwatakan, Ayub adalah sempurna dan tulus, dan dari segi etika, dia mempunyai standard integriti yang tinggi.
 - C. Ayub bertakwa kepada Tuhan secara positif dan berpaling daripada kejahatan secara negatif—1:1:
 1. Tuhan mencipta manusia bukan sekadar agar manusia bertakwa kepada-Nya dan tidak melakukan apa-apa kesalahan; sebaliknya, Tuhan mencipta manusia menurut imej-Nya sendiri dan mengikut rupa-Nya agar manusia dapat mengekspresikan Tuhan—Kej. 1:26.
 2. Mengekspresikan Tuhan lebih tinggi daripada bertakwa kepada Tuhan dan berpaling daripada kejahatan.
 3. Apa-apa yang dicapai Ayub dalam kesempurnaan, ketulusan, dan integritinya sama sekali sia-sia; ia tidak menggenapkan tujuan Tuhan dan juga tidak memuaskan hasrat Tuhan; oleh yang demikian, Tuhan berprihatin terhadap Ayub dengan penuh kasih sayang—Ayub 1:6-8; 2:1-3.
 - D. Hanya Tuhan yang tahu bahawa Ayub mempunyai satu keperluan—dia tidak mempunyai Tuhan dalamanya; oleh yang demikian, Tuhan menginginkan Ayub beroleh-Nya untuk mengekspresikan-Nya bagi menggenapkan tujuan-Nya—42:5-6.
- III. Hasrat Tuhan ialah Ayub menjadi Tuhan-manusia yang mengekspresikan Tuhan dalam atribut-Nya—22:24-25; 38:1-3:**
 - A. Tuhan membawa Ayub ke dalam lingkungan yang satu lagi, lingkungan Tuhan, supaya Ayub dapat beroleh Tuhan, bukannya pencapaiannya dalam kesempurnaan, ketulusan, dan integritinya—42:5-6.
 - B. Hasrat Tuhan terhadap Ayub ialah menghancurkannya dan melucutkan kesempurnaan dan ketulusan yang dicapai dan diperolehnya dalam standard etika yang tertinggi—31:6.
 - C. Hasrat Tuhan adalah untuk merobohkan Ayub alamiah yang berada dalam kesempurnaan dan ketulusan sendiri agar Dia dapat membina Ayub yang diperbarui yang berada dalam sifat dan atribut Tuhan—1:6-8; 2:3-6.
 - D. Hasrat Tuhan adalah untuk menjadikan Ayub manusia kepunyaan Tuhan, yang dipenuhi Kristus, yakni perjasadan Tuhan, untuk menjadi kepenuhan Tuhan demi mengekspresikan Tuhan dalam Kristus—1 Tim. 6:11; 2 Tim. 3:17.
 - E. Perlucutan dan penghancuran oleh Tuhan dilaksanakan ke atas Ayub untuk

merobohkan Ayub agar Tuhan dapat beroleh dasar dan jalan untuk membina dia semula dengan Tuhan sendiri supaya dia dapat menjadi Tuhan-manusia, sama seperti Tuhan dalam hayat dan sifat-Nya tetapi bukan dalam Ketuhanan-Nya, untuk mengekspresikan Tuhan—Ef. 3:16-21.

IV. Dalam Kristus, Tuhan dikonstitusikan ke dalam manusia, manusia juga dikonstitusikan ke dalam Tuhan; Tuhan dan manusia dibaurkan bersama menjadi satu entiti yang dipanggil Tuhan-manusia—Mat. 1:21, 23; Luk. 1:35; Tit. 2:13; 1 Tim. 2:5:

- A. Tuhan-manusia yang banyak, iaitu anak Tuhan yang banyak, ialah pertambahan, reproduksi, duplikasi, dan kelanjutan Kristus, Tuhan-manusia yang pertama—Yoh. 12:24; Ibr. 2:10; Roma 8:29.
- B. Tuhan-manusia ialah orang yang berbahagian dalam hayat dan sifat Tuhan; dengan demikian, mereka bersatu dengan Tuhan dalam hayat dan sifatnya, dengan itu, mereka mengekspresikan-Tuhan—Yoh. 3:15; 2 Ptr. 1:4; 1 Kor. 6:17.
- C. Tuhan-manusia yang dilahirkan daripada Tuhan untuk menjadi anak Tuhan, mempunyai hayat dan sifat Tuhan—Yoh. 1:12-13; 3:6:
 - 1. Tuhan-manusia mempunyai dua hayat, hayat insani dan hayat divin, serta dua sifat, keinsanan dan kedivinan.
 - 2. Tuhan-manusia ialah manusia-hayat—1 Yoh. 5:11-13; Roma 8:2, 6, 10-11.
 - 3. Tuhan-manusia ialah manusia-emas—Kel. 25:11; 1 Ptr. 1:7; Wahi 3:18; 21:18b.
- D. Tuhan-manusia dikonstitusikan dengan Tuhan, mempunyai Tuhan sebagai hayat, bekalan hayat, dan segala-galanya; oleh itu, Tuhan-manusia ialah manusia namun Tuhan dan Tuhan namun manusia—Ef. 3:16-17a.
- E. Tuhan-manusia ialah ciptaan baru dan keadilbenaran Tuhan dalam Kristus—2 Kor. 5:17, 21.
- F. Tuhan-manusia mengasihi Tuan dengan seluruh dirinya, iaitu dari hati, sukma, minda, dan dayanya—Mrk. 12:30.
- G. Tuhan-manusia tidak berkeyakinan pada tubuh daging, menyangkal diri, dan melatih roh agar berhidupkan Kristus—Flp. 3:3; Mat. 16:24; 1 Tim. 4:7; Flp. 1:21a.
- H. Tuhan-manusia ialah manusia kepunyaan Tuhan yang mempunyai sabda Tuhan, menghirup nafas Tuhan—1 Tim. 6:11; 2 Tim. 3:16-17.
- I. Tuhan-manusia mengenali bahawa dia bukan individu yang merdeka tetapi sebahagian daripada Tuhan-manusia korporat—Tubuh Kristus, satu manusia baru—1 Kor. 12:12-13; Ef. 4:16; Kol. 3:10-11.